

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 APRIL 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### Kemajuan projek ECRL di Terengganu capai lebih 50 peratus

## Kemajuan projek ECRL di Terengganu capai lebih 50 peratus

**KUALA TERENGGANU** - Kerja-kerja pembangunan infrastruktur Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri Terengganu telah mencatat kemajuan sebanyak 55.21 peratus setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, kemajuan keseluruhan projek ECRL yang merangkumi empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor pula sudah mencapai 40.81 peratus.

"Jajaran ECRL di negeri Terengganu sepanjang kira-kira 275 kilometer adalah yang terpanjang di antara empat negeri, apabila siap nanti ia mampu memendekkan tempoh perjalanan Kuala Lumpur-Kuala Terengganu.

"Projek ECRL dijangka siap mengikut jadual iaitu pada akhir tahun 2026," katanya ketika berucap pada Majlis Iftar Bersama ECRL yang diaturkan oleh MRL dan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) di sebuah hotel, di sini pada Ahad.

Seramai 20 anak-anak yatim dan kakitangan dari Asrama Puteri Pra Tahfiz Perkaya Kuala Terengganu, Kampung Kubang Parit turut diraikan pada majlis itu selain pemberian duit raya kepada mereka.

Penyampaian cek sumbangan kepada wakil Asrama Puteri Pra Tahfiz



Darwis (tiga dari kiri) mengiringi Dr Mamad (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak yatim yang diraikan pada Majlis Iftar Bersama ECRL pada Ahad.

Perkaya Kuala Terengganu turut disempurnakan oleh Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti Dan Teknologi Hijau negeri Terengganu, Dr Mamad Puteh yang diiringi Darwis dan Pengurus Besar CCC-ECRL bagi Seksyen 4, Fu Shuai.

Menurut Darwis, jajaran ECRL di Terengganu melibatkan pembinaan enam buah stesen.

Beliau berkata, stesen Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu, dan Kemasik telah ditetapkan sebagai stesen penumpang sahaja manakala stesen Dungun dan Chukai adalah

bagi tujuan penumpang dan kargo.

Katanya, jajaran ECRL sepanjang 665 km akan bermula dari Kota Bharu, Kelantan dan berakhir di Pelabuhan Klang, Selangor.

"ECRL akan menjimatkan masa perjalanan dan menghubungkan Kota Bharu dengan Gombak, iaitu pintu masuk utama ke Kuala Lumpur dalam masa 4 jam berbanding 7 jam dengan penggunaan jalan raya.

"Sehubungan, ECRL dijangka menghubungkan Kuala Terengganu dengan Gombak dalam anggaran 2.5 jam," katanya.